

BAB 3 – DOKUMEN PERNIAGAAN SEBAGAI SUMBER MAKLUMAT

1. Dokumen berikut diambil daripada buku Kedai Perabot Tan.

Tarikh	: 3 Julai 2015	
Penerima	: Syarikat Perabot Global	
Kerana	: Membeli rak pameran	

	<i>Ringgit</i>	<i>sen</i>
Baki akhir	30 000	00
Dimasukkan		-
Jumlah	30 000	00
Cek ini	1 530	00
Baki	28 470	00

325786

KERATAN CEK

Nyatakan catatan bergu yang terlibat dalam urus niaga di atas.

2. Pesanan Belian di bawah merupakan dokumen perniagaan bagi Syarikat Tony Berhad.

ASAL	PESANAN BELIAN	PB 221	
SYARIKAT TONY BERHAD Lot 36, Jalan Balakong Jaya Selangor			
Kepada : Daniel Trading 234, Jalan Muhibbah Cheras Kuala Lumpur			
		Tarikh : 14 Mei 2015	
Tuan, Sila bekalkan yang berikut :			
Kuantiti	Jenis Barang	Harga Seunit RM	Jumlah RM
80	Raket tenis A1	55	4 400
80	Kasut Bola Adidas	50	4 000
50	Raket Badminton Top	45	2 250
20	Jaring Badminton	120	2 400
Jumlah			13 050

(Ringgit Malaysia : Tiga Belas Ribu Lima Puluh)

Sebut harga : 3356
 Serahan : Ang. dib.
 Syarat :
 Diskaun niaga : 20%
 Diskaun tunai : 5% 10 hari
 2% 15 hari

Daniel
Penerima

Tony
Pengurus

- (i) Apakah kegunaan dokumen di atas?
 (ii) Mengapakah Daniel Trading tidak merekodkan maklumat dokumen di atas ke dalam buku perakaunan?

3. Nyatakan dokumen sumber dan buku catatan pertama bagi urus niaga berikut:-

Kedai Buku Hamza membeli stok buku secara kredit

4. Dokumen perniagaan berikut diperoleh daripada Perniagaan Mubaraq.

ASAL	RESIT	No : 2700
SYARIKAT BULAT BERHAD		
PT1 JALAN SELANGKAH		
15000 KOTA BHARU		
KELANTAN.		
No Tel: 09-2341892		Tarikh: 12 Julai 2014
Diterima daripada: <u>Perniagaan Mubaraq</u>		
Ringgit Malaysia : <u>Empat ribu dua ratus tujuh puluh lima sahaja</u>		
Bayaran untuk : <u>Menjelaskan sepenuhnya invoice No 2598</u>		
<u>(kurang RM200 diskaun tunai)</u>		
RM4 275.00		<i>Mubaraq</i>
Tunai / No.Cek : BIMB 45640099		Pengurus


- i. Perniagaan manakah yang mengeluarkan resit tersebut?
 ii. Apakah bentuk bayaran yang diterima oleh penerima?

5. Long Enterprise menerima satu invoice asal berjumlah RM1 500 kerana pembelian barang niaga daripada Syarikat Mat Khir Enterprise pada 2 Januari 2015.

Syarat kredit ialah 5% dalam masa 14 hari.

- (i) Kirakan jumlah yang perlu dibayar oleh Long Enterprise sekiranya semua hutang itu dibayar pada 30 Januari 2015.
 (ii) Adakah Long Enterprise layak mendapatkan diskaun tunai? Berikan alasan anda.

6. Rajah berikut menunjukkan aliran dokumen antara penjual dan pembeli.



(i) Dokumen 'X' ialah : _____

(ii) Jumlah dalam dokumen 'X' : _____

7. Urusniaga di bawah ini diambil daripada buku Perniagaan Eddie.

<p>2014</p> <p>Januari 1 Membeli barang niaga daripada Perniagaan Wah Seng berjumlah RM3 000, kurang diskaun niaga 20%</p> <p>21 Menjelaskan semua hutang dengan cek.</p> <p>Syarat diskaun ialah: Diskaun tunai: 10% 5 hari, 5% 20 hari</p>
--

Hitung amaun bersih yang perlu dibayar oleh Pemiutang Eddie pada 21 Januari 2014.

8. Apakah dokumen yang terlibat bagi setiap urus niaga yang berikut?

Urus Niaga	Dokumen Perniagaan
i. Caj tambahan dikenakan kepada pembeli kerana barang dihantar ke rumahnya.	
ii. Ambilan perabot pejabat untuk kegunaan keluarga	

9. Berikut adalah memo yang diperoleh daripada Butik D’Ros Fesyen.

<p>MEMO Butik D’Ros Fesyen 3, Jalan Jati, Taman Jati, Batu Berendam, 75350 MELAKA</p>	
Peringatan :	Tarikh : 8 Mei 2012
<p>Mengambil barang niaga bernilai RM2 500 untuk tujuan promosi di MITC.</p>	
<p><i>Rosni</i> _____ Pengurus</p>	

Namakan akaun yang didebitkan dan akaun yang dikreditkan?

10. Berikut adalah maklumat Perniagaan Anggun

2012
Jan 11 Membeli barang niaga secara kredit daripada Pemborong Jelitawan RM5 000
16 Membayar kesemua hutangnya kepada Pemborong Jelitawan dengan cek

Diskaun tunai: 5% 14 hari
10% 7 hari

Hitung amaun yang perlu dibayar oleh Perniagaan Anggun.
